

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : PELANCARAN PESTA MINGGUAN KUALA LUMPUR  
Lokasi : SULAIMAN COURT, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 20-12-1987

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berhormat Drs. Suleiman Mohamed, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri;

Dif-Dif Kehormat;

Tuan-tuan dan Puan-puan.

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah kurniaNya, mengizinkan kita bersama-sama di Majlis Pelancaran Pesta Mingguan Kuala Lumpur ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur di atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk merasmikan pelancaran Pesta ini.

Saya juga mengucapkan syabas kepada pihak penganjur yang telah mengambil inisiatif untuk mengendalikan satu aktiviti yang berterusan pada tiap-tiap hujung minggu, sebagai menyahut hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menghidupkan Kuala Lumpur di hujung minggu. Mudah-mudahan Pesta ini akan menjadi satu aktiviti yang 'institutionalised', dan akhirnya wujud dengan sendiri tanpa diuruskan oleh pihak Kerajaan lagi.

2. Saya amat tertarik dengan konsep Pesta Mingguan Kuala Lumpur ini. Walaupun pada asasnya ia bertujuan untuk mewujudkan satu aktiviti yang berterusan bagi menghidupkan Kuala Lumpur di hujung minggu, acara-acara yang diadakan mempunyai pelbagai tujuan sampingan, terutama daripada segi pelancongan, kebudayaan, perpaduan dan mengasah bakat.

Selain daripada itu, ianya juga mempunyai tujuan ekonomi dengan membuka peluang perniagaan untuk peniaga-peniaga kecil menjual hasil-hasil kraftangan dan makanan-makanan tradisional.

3. Kuala Lumpur merupakan pusat pelbagai aktiviti yang merangkumi berbagai aspek pentadbiran, sosial, perindustrian, perdagangan, keagamaan dan juga politik.

Dalam bidang perindustrian, industri pelancongan merupakan satu industri yang mempunyai banyak potensi untuk menghasilkan pendapatan dan menambah nilai tukaran asing serta mewujudkan peluang pekerjaan. Memandangkan industri pelancongan ini satu bidang yang baru, maka perkhidmatan sokongan, kemudahan dan daya tarikan perlu dipertingkatkan lagi oleh kedua-dua sektor awam dan swasta.

4. Sehubungan dengan ini, Kuala Lumpur yang dikenali sebagai pintu masuk utama ke Malaysia bagi para pelancong, perlulah mendapat perhatian supaya dilengkapi dengan perkhidmatan sokongan, dan kemudahan-kemudahan yang lebih lengkap serta pelbagai daya tarikan. Dengan adanya perkhidmatan dan kemudahan tersebut, para pelancong mungkin akan lebih berminat untuk datang dan tinggal lebih lama di negara ini. Kekurangan aktiviti-aktiviti yang dapat menarik para pelawat adalah ketara di Kuala Lumpur ini. Lazimnya kebanyakan aktiviti yang dijalankan adalah pada waktu-waktu tertentu sahaja sempena menyambut sesuatu peristiwa. Sebagai contoh, Hari Wilayah disambut dengan mengadakan pelbagai aktiviti yang menarik sepanjang bulan Februari sahaja bagi tiap-tiap tahun. Aktiviti seumpama ini tidak dapat memberi jaminan kepada para pelancong kerana jadual persembahannya tidak sama dengan jadual lawatan mereka. Dengan adanya Pesta Mingguan Kuala Lumpur ini, saya turut berasa bangga, kerana ianya merupakan satu aktiviti yang berterusan dan dijadualkan berjalan pada setiap hari Ahad. Ciri-ciri ini merupakan satu jaminan kepada para pelancong untuk memenuhi program lawatan mereka dan menggalakkan mereka untuk melancang ke Kuala Lumpur.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Dalam Pesta ini, para pelawat bukan hanya setakat menonton, tetapi mereka juga boleh turut serta mengambil bahagian dalam acara-acara yang diadakan. Saya percaya dengan adanya penglibatan rakyat tanpa mengira kaum dan golongan, ianya akan memberi kesan-kesan positif yang akan menjadikan Pesta ini lebih meriah dan menarik dan mungkin menggelikan hati. Kepada para pelancong asing, Pesta ini adalah satu cara untuk mengenali kekayaan kebudayaan Malaysia secara dekat dengan menjimatkan belanja dan masa, kerana acara-acara itu diadakan secara teratur dan dikumpulkan di satu tempat. Semoga usaha yang gigih ini akan menaikkan lagi imej Malaysia di kalangan masyarakat antarabangsa.

6. Saya juga berharap semoga Pesta Mingguan Kuala Lumpur ini akan merintis jalan bagi negeri-negeri lain di Malaysia mengorak langkah menggendalikan pesta seumpama ini di peringkat negeri masing-masing untuk memaparkan ciri-ciri kebudayaan kedaerahan dengan lebih lengkap dan sempurna.

Dengan ini bagi para pelancong yang ingin mengenali dengan lebih mendalam sesuatu kebudayaan daerah yang dipamerkan di Pesta Mingguan Kuala Lumpur ini, bolehlah melihat dan menikmati persembahan tersebut di negeri yang berkenaan.

7. Saya difahamkan bahawa Pesta ini dipelopori bersama oleh jabatan-jabatan Kerajaan dan sektor swasta. Saya mengucapkan syabas di atas usaha bersama ini. Saya yakin, perhatian berat yang diberikan oleh Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk meningkatkan imej Kuala Lumpur, sebagai pusat pelancongan khususnya dan Ibu Negara amnya, akan mendatangkan manfaat kepada kita semua. Di samping itu, kerjasama yang diberikan oleh Kementerian dan jabatan-jabatan lain yang berkenaan amatlah menggalakkan dan penglibatan sektor swasta, baik daripada segi sumber kewangan mahupun tenaga, membuktikan kesungguhan mereka untuk sama-sama memajukan Kuala Lumpur.

8. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Pelancaran Pesta Mingguan Kuala Lumpur.

Wabilahi Taufik Walhidayah Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.